



**KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA**

## **TEKS UCAPAN**

**YB DATUK AARON AGO DAGANG  
MENTERI PERPADUAN NEGARA**

**MAJLIS PELANCARAN  
PROGRAM JELAJAH BELIA RUKUN NEGARA**

**14 MEI 2026 (KHAMIS)**

**11.00 PAGI**

**DEWAN BANQUET HOTEL UITM  
KAMPUS UITM CAWANGAN SELANGOR  
PUNCAK ALAM, SELANGOR**

Salam Perpaduan dan Salam Malaysia MADANI,

## **SALUTASI**

***\*salutasi terkini akan disediakan secara berasingan***

## **PENDAHULUAN**

1. Hari ini kita berkumpul bagi **Program Jelajah Belia Rukun Negara** yang julung kalinya diadakan oleh Kementerian Perpaduan Negara melalui **Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional** dengan kerjasama **Universiti Teknologi MARA (UiTM) Kampus Cawangan Selangor, Puncak Alam**.
2. Objektif utama pelaksanaan program ini adalah untuk memperkukuh literasi, kefahaman dan penghayatan nilai Rukun Negara dalam kehidupan seharian, di samping memantapkan pemikiran serta keupayaan mahasiswa untuk menterjemahkan nilai Rukun Negara sebagai asas penyatuan dan pembinaan negara bangsa.
3. Bagi tahun 2026, program ini menyasarkan penyertaan seramai **4,500 orang mahasiswa** dari seluruh negara, melibatkan pelaksanaan di **15 buah Institusi Pendidikan Tinggi (IPT)** yang mewakili **15 negeri**.

4. Ini juga mencerminkan komitmen Kerajaan MADANI, khususnya Kementerian Perpaduan Negara, dalam memperkukuh pembentukan jati diri belia melalui penghayatan Rukun Negara sebagai asas perpaduan, keharmonian dan pembinaan negara bangsa yang kukuh serta berdaya tahan.

### **RUKUN NEGARA FALSAFAH NEGARA**

Hadirin yang dihormati sekalian,

5. Saya mengambil kesempatan ini untuk berkongsi serba sedikit sejarah dan asal usul Rukun Negara sebagai falsafah negara. **Peristiwa 13 Mei 1969 menjadi detik hitam dalam sejarah negara akibat ketegangan kaum berpunca daripada jurang ekonomi dan sosial.** Insiden tersebut telah meragut 196 nyawa dan membawa kepada penggantungan Parlimen serta penubuhan **Majlis Gerakan Negara (MAGERAN) yang dipimpin oleh Tun Abdul Razak** melalui pengisytiharan darurat pada 16 Mei 1969.
6. **MAGERAN** kemudiannya menubuhkan tiga badan utama: **Majlis Muhibah Negara, Jabatan Perpaduan Negara dan Majlis Perundingan Negara (MPN).** MPN, yang dianggotai oleh tokoh pelbagai kaum dan kepakaran,

telah merangka Rukun Negara berdasarkan tujuh tunjang utama daripada kertas kerja Pillars of Nation. Antara tujuh (7) tunjang utama yang dicadangkan ketika itu adalah:

- I. **Ketuhanan (Belief in God or Supreme Being)**
- II. **Kesetiaan (Loyalty)**
- III. **Keadilan (Justice)**
- IV. **Kewarganegaraan (Citizenship)**
- V. **Keutuhan (Integrity of the Nation)**
- VI. **Kebahagian (Well-being)**
- VII. **Kesopanan (Canons of Decency)**

7. Akhirnya, Rukun Negara telah dirangka dan disusun kepada **dua bahagian iaitu 5 cita-cita dan 5 prinsip**. Cita-cita dan prinsip Rukun Negara kemudiannya telah diterjemah kepada suatu bentuk falsafah atau ideologi nasional. Falsafah atau ideologi nasional ini terus kekal sebagai panduan dan **tonggak negara (Pillars of Nation)** yang akan diterapkan dalam semua bidang dan kegiatan.
8. Rukun Negara telah **diisytiharkan dengan rasminya oleh Duli Yang Maha Mulia Tuanku Ismail Nasiruddin Shah Ibni Almarhum Sultan Zainal Abidin**, Yang di-Pertuan Agong pada **31 Ogos 1970**.

9. Rukun Negara berperanan membimbing rakyat ke arah perpaduan sejati dan membina masyarakat Malaysia yang bersatu, adil dan progresif. Justeru, memahami dan menghayati bukan sahaja prinsip, tetapi juga cita-cita dalam mukadimah Rukun Negara adalah tanggungjawab bersama seluruh rakyat.
  
10. Dalam menyokong hasrat tersebut, **mulai tahun 2023 Kerajaan telah bersetuju supaya sesi lafaz ikrar Rukun Negara dibaca penuh bermula dengan mukadimah** dan diikuti dengan lima prinsip Rukun Negara dalam program-program rasmi Kerajaan termasuk semasa majlis perhimpunan di semua sekolah.
  
11. Bagi memberi kefahaman dan meningkatkan penghayatan terhadap Rukun Negara, Kementerian juga telah merangka **Eksplorasi Rukun Negara** yang melibatkan penyertaan pelbagai lapisan komuniti (pelajar sekolah, mahasiswa dan masyarakat awam).

## **RUKUN NEGARA: KOMPAS PEMBINAAN NEGARA BANGSA**

Hadirin yang dihormati sekalian,

12. **Rukun Negara juga adalah asas penting dalam pembinaan negara bangsa Malaysia**, iaitu ciri utama yang membezakan sebuah negara yang hanya wujud secara geografi dengan sebuah negara bangsa yang hidup dalam jiwa rakyatnya.
  
13. Ia mengikat kita kepada satu kerangka nilai Bersama iaitu **Kepercayaan kepada Tuhan, Kesetiaan kepada Raja dan Negara, Keluhuran Perlembagaan, Kedaulatan Undang-undang serta Kesopanan dan Kesusilaan** yang menjadi kompas moral kepada setiap warganegara. Nilai-nilai ini bukan sekadar prinsip di atas kertas, tetapi membentuk watak Malaysia yang matang, beradab, bertanggungjawab dan cintakan keharmonian, walaupun kita berbeza latar, bahasa dan budaya.
  
14. **Ramai yang bertanya, selepas 56 tahun Rukun Negara diperkenalkan, masihkah ia relevan untuk masa depan?** Jawapannya bukan sekadar “ya”, tetapi ia semakin penting dalam dunia yang sedang berubah dengan pantas, penuh ketidaktentuan, dan semakin kompleks.

15. Dalam era digital, kecerdasan buatan, media sosial tanpa sempadan dan kepelbagaian pandangan yang semakin luas, **Rukun Negara perlu terus dihayati sebagai *moral compass*, kompas nilai yang memastikan kemajuan tidak kehilangan arah, dan kecanggihan tidak memadamkan nilai kemanusiaan.** Ia adalah falsafah hidup yang memastikan pembangunan teknologi seiring dengan pembangunan akhlak dan perpaduan.
16. **Lebih daripada itu, Rukun Negara perlu diadaptasi sebagai asas pembentukan jati diri generasi masa depan bukan hanya sebagai warisan sejarah, tetapi sebagai prinsip hidup yang sentiasa segar dan dinamik.** Di sinilah terletaknya kekuatan sebenar Malaysia: apabila kemajuan dipandu oleh nilai, dan masa depan dibina atas asas perpaduan.
17. Mengambil kira perkara ini, **pelaksanaan Program Jelajah Belia Rukun Negara adalah tepat pada masanya sebagai platform intervensi sosial yang mendekatkan Rukun Negara dengan realiti kehidupan belia.** Program ini digerakkan melalui **Modul Penghayatan Rukun Negara yang merangkumi empat tema utama :**

- I. **“Kenapa dan Mengapa”** iaitu memahami rasional, sejarah dan kepentingan Rukun Negara sebagai asas pembinaan negara bangsa.
  - II. **“Menjunjung Rukun Negara”** iaitu menterjemahkan nilai Rukun Negara melalui tindakan dan amalan harian.
  - III. **“Meraikan Kepelbagaian”** yang menekankan toleransi, persefahaman dan hormat terhadap perbezaan kaum, agama, budaya dan wilayah.
  - IV. **“Pembinaan Nilai dan Jati Diri”** yang membentuk belia berintegriti, patriotik, prihatin, bertanggungjawab dan berdaya saing.
18. Keempat-empat tema ini disusun bagi mengatasi dan **menangani cabaran semasa perpaduan negara termasuk isu etnisiti, media, agama, kelas sosial dan hubungan sosial rentas komuniti** seperti yang dikenal pasti dalam dapatan IPNas 2025.
19. Justeru, program ini diharap dapat melahirkan mahasiswa yang bukan sekadar memahami Rukun Negara, tetapi mampu menjadi duta kecil perpaduan di mana sahaja

mereka berada, menjadi suara yang menyatukan, serta menjadi jambatan antara perbezaan.

20. Saya juga berharap agar, **193 Sekretariat Rukun Negara** di Institusi Pendidikan Tinggi terus memainkan **peranan penting sebagai penggerak penghayatan Rukun Negara dalam kalangan mahasiswa**. SRN bukan sekadar sekretariat atau kelab di kampus, tetapi merupakan platform kepimpinan belia untuk menyemarakkan nilai kenegaraan, memperkukuh perpaduan dan memupuk kefahaman terhadap kepelbagaian masyarakat Malaysia.
21. Melalui penyertaan dalam SRN, **mahasiswa berpeluang menterjemahkan prinsip Rukun Negara melalui program, advokasi, wacana, kesukarelawanan dan aktiviti komuniti**. Inilah proses pemekaan yang penting untuk memastikan nilai Rukun Negara bukan sahaja difahami, tetapi dipasak dalam jiwa anak muda dan diterjemahkan dalam tindakan.
22. Justeru, saya menyeru lebih ramai mahasiswa untuk menyertai dan mengaktifkan SRN di kampus masing-masing sebagai gerakan belia dalam membina negara bangsa Malaysia yang bersatu, harmoni dan berdaya tahan.

## **PENUTUP**

Hadirin yang dihormati sekalian,

23. Saya yakin, pelaksanaan **Program Jelajah Belia Rukun Negara** di 15 buah Institusi Pendidikan Tinggi yang mewakili 15 negeri akan menjadi **pemangkin kepada pembentukan belia yang menjiwai Rukun Negara** secara lebih holistik, seterusnya menyumbang kepada masyarakat yang progresif, harmoni dan berdaya tahan demi kelangsungan kemakmuran negara tercinta.
  
24. Marilah kita **jadikan Rukun Negara sebagai jiwa kepada Pembinaan Negara Bangsa**, dan jadikan belia sebagai tenaga penggerak kepada masa depan Malaysia yang bersatu.

Dengan ini sukacitanya **saya Merasmikan Pelancaran Program Jelajah Belia Rukun Negara.**

Sekian, Terima Kasih.